



JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

OPERASI MENYELAMAT DAN PEMINDAHAN GAJAH “SULONG CHALIL”

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah melaksanakan pemantauan dan usaha menyelamatkan terhadap seekor gajah liar jantan yang dikenali sebagai “Sulong Chalil”, susulan kehadiranannya di sekitar Jalan Raya Timur-Barat (JRTB) Gerik–Jeli yang mendapat perhatian orang ramai.

Sejak 17 Ogos 2026, pihak PERHILITAN telah memantau rapi pergerakan dan keadaan fizikal Sulong termasuklah kecederaan yang direkodkan pada kaki kanan. Sebagai gajah jantan dewasa, pergerakan Sulong secara bersendirian merupakan tingkah laku semula jadi dan bukannya penanda bahawa ia terpisah daripada kumpulan atau sedang mencari keluarganya.

Selepas menilai aspek keselamatan, lokasi dan tahap kesihatan Sulong, operasi menangkap semula telah berjaya dilaksanakan pada 30 Ogos 2026 di kawasan JRTB, Gerik, Perak.

Seterusnya pada 1 September 2026, proses pemindahan Sulong telah dijalankan oleh PERHILITAN dengan sokongan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta bantuan dua ekor gajah denak, Rambai dan Cheri.

Sepanjang operasi berlangsung, Sulong sentiasa menerima pemantauan dan rawatan veterinar. Kecederaan pada kaki kanannya kini menunjukkan perkembangan positif, dan rawatan susulan akan diteruskan mengikut penilaian Pegawai Veterinar.

Pada 2 September 2026, Sulong telah dipindahkan ke Taman Negara Terengganu melalui pintu masuk Tasik Kenyir, kawasan habitat hutan semula jadi yang sesuai untuk gajah liar. Pemindahan ini bertujuan menyediakan persekitaran yang lebih selamat dan mengurangkan risiko konflik dengan manusia serta kemalangan jalan raya.

PERHILITAN menegaskan bahawa kebajikan Sulong serta keselamatan orang awam dan anggota operasi sentiasa menjadi keutamaan. Setiap tindakan dilaksanakan berdasarkan penilaian keadaan di lapangan bagi memastikan risiko kepada semua pihak dapat diminimumkan.

PERHILITAN merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat serta orang ramai atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

**JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA
(PERHILITAN) SEMENANJUNG MALAYSIA
2 SEPTEMBER 2026**